

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang dalam negeri dan luar negeri dari tahun 2000 hingga 2014 dan usaha-usaha kerajaan membayar hutang tersebut.

**JAWAPAN**

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2014 adalah sebanyak RM568.9 bilion atau 52.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM552.7 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.2 billion atau 2.9% merupakan

pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan ini kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Perincian kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>HUTANG DALAM NEGERI (RM JUTA)</b>	<b>% KEPADA KDNK</b>	<b>HUTANG LUAR NEGERI (RMJUTA)</b>	<b>% KEPADA KDNK</b>
2000	106,805	30.0	18,821	5.3
2001	121,396	34.4	24,328	6.9
2002	128,680	33.6	36,283	9.5
2003	151,483	36.2	37,284	8.9
2004	181,970	38.4	34,654	7.3
2005	198,670	36.5	30,000	5.5
2006	217,220	36.4	25,005	4.2
2007	247,120	37.1	19,602	2.9
2008	286,121	37.2	20,316	2.6
2009	348,600	48.9	13,786	1.9
2010	390,356	49.0	16,745	2.1
2011	438,025	49.5	18,103	2.0
2012	484,769	51.5	16,848	1.8
2013	523,095	53.0	16,763	1.7
2014**	552,652	52.7	16,241	1.5

\* Hutang luar negeri mengikut definisi lama

\*\* Sehingga akhir Jun 2014

2. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

3. Bagi mengurangkan paras hutang, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

i. Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi

menampung perbelanjaan mengurus, dan menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan.

- i. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- i. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran.
- i. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- i. Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras

defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

**SOALAN ( 437 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan penggunaan bahan pembungkusan yang tidak boleh di kitar semula di seluruh negara yang merupakan sebahagian besar dari sampah pepejal. Berapakah peruntukan tahunan Kementerian dalam pendidikan kitar semula dan penjagaan alam sekitar.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Komposisi Sisa Pepejal, Ciri-Ciri dan Amalan Kitar Semula di Malaysia yang dijalankan pada 2011 - 2012 menunjukkan bahawa sisa makanan adalah merupakan kategori sisa pepejal terbesar dalam komposisi sisa pepejal Malaysia iaitu sebanyak 44.5%, diikuti dengan 13.2% sisa plastik di mana kebanyakannya adalah bahan pembungkusan.

Pihak Kerajaan sedia maklum bahawa terdapat beberapa kategori sisa pepejal yang tidak ekonomikal dan praktikal untuk dikitar semula, sebagai contohnya sisa pembungkusan seperti styrofoam, beg plastik dan sebagainya. Langkah terbaik bagi menangani sisa pepejal ini adalah melalui konsep pengurangan penggunaan bahan tersebut di mana pihak pengilang boleh merekabentuk produk yang menggunakan bahan pembungkusan yang minima atau pihak pasaraya boleh memperkenalkan hari tanpa beg plastik. Selain itu, Kerajaan juga menggalakkan

penggunaan beg-beg atau bahan pembungkusan daripada plastik yang mudah terurai (*degradable*) kerana ia lebih bersifat mesra alam sekitar.

Bagi mewujudkan situasi menang-menang, langkah mengurangkan penggunaan beg plastik dengan menggantikannya dengan penggunaan beg mesra alam adalah wajar kerana penggunaan beg plastik yang berleluasa telah menyumbang kepada implikasi negatif terhadap ekologi dan kesihatan masyarakat . Industri plastik tidak mungkin boleh terjejas jika sekiranya kempen atau larangan penggunaan beg plastik hanya terhad di pasar raya. Ini kerana beg plastik masih digunakan secara meluas di pasar malam, pasar tani, pasar basah, kedai runcit, kilang dan pelbagai premis perniagaan.

Bagaimanapun buat masa ini pihak Kerajaan masih belum bercadang untuk mewajibkan kepada mana-mana pihak untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik kerana ianya akan mempengaruhi kenaikan harga sesuatu barang. Bagaimanapun beberapa langkah-langkah telah dikenalpasti bagi mengatasi masalah ini iaitu:-

- (i) mempergiat kempen dan program kesedaran;
- (ii) menggubal peraturan bagi mewajibkan syarikat menghadkan penggunaan bahan pembungkusan; dan
- (iii) melaksanakan hari tanpa plastik di pasaraya-pasaraya utama seluruh negara.

Semenjak tahun 2001 sehingga tahun 2013, pihak Kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM80juta bagi tujuan untuk melaksanakan aktiviti kesedaran awam dan pendidikan mengenai kitar semula. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Program promosi seperti mengadakan Majlis sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan, Larian Kitar Semula dan promosi melalui media massa;
- (ii) Pemberian tong-tong kitar semula ke PBT-PBT, sekolah-sekolah, pejabat-pejabat kerajaan dan stesen minyak; dan

(iii) Penubuhan pusat-pusat kitar semula, bank kitar semula dan pelaksanaan program pengkomposan di komuniti;

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014